



**JAWATANKUASA TEKNIKAL KAWASAN
SENSITIF ALAM SEKITAR
(TANAH TINGGI & LERENG BUKIT)
NEGERI PAHANG
(JTKSAS)**

***Standard Operating Procedure
(SOP)***

URUSETIA JTKSAS
PLANMalaysia@Pahang
Aras 4, Kompleks Tun Razak (KOMTUR)
25200, Bandar Indera Mahkota,
Kuantan, PAHANG

Kemaskini : 6 Julai 2022

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pihak Berkuasa Negeri sebelum ini sebagaimana keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang yang ke 16 bertarikh 20 Disember 1995** telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Tinggi. Selanjutnya pada 20 Jun 2006 **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 2/2006** telah membuat keputusan untuk mengaktifkan semula Jawatankuasa ini bagi menangani isu-isu pembangunan di kawasan tanah tinggi dan lereng bukit.
- 1.2 Jawatankuasa ini memainkan peranan untuk menilai secara terperinci aspek-aspek teknikal bagi semua permohonan pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) terutamanya kawasan-kawasan tanah tinggi dan lereng bukit di negeri Pahang khususnya yang dijalankan di kawasan tanah tinggi seperti Cameron Highlands, Bukit Fraser, Bukit Tinggi, Genting Highlands dan Janda Baik.
- 1.3 **Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Bil. 3/2014 yang bersidang pada 8 Disember 2014** juga telah memberi **penekanan kepada keperluan untuk pengukuhan jawatankuasa bagi menguatkuasa dan memantau pemajuan di kawasan tanah tinggi**. Ini merupakan antara langkah-langkah bagi memastikan perancangan dan pembangunan di kawasan tanah tinggi di Negeri Pahang khususnya Cameron Highlands, Bukit Fraser, Bukit Tinggi, Genting Highlands dan Janda Baik dapat diuruskan dengan lebih baik, selamat didiami serta terpelihara dari segi alam sekitar.
- 1.4 **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 2/2018 yang bersidang pada 4 September 2018** telah **bersetuju menerima pakai *Standard Operating Procedure* (SOP) Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam (Tanah Tinggi & Lereng Bukit) Negeri Pahang (JTKSAS)**.
- 1.5 **Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Ke 16/2019** bersidang pada **19 Jun 2019 bersetuju meluluskan menerima pakai *Standard Operating Procedure* (SOP) Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam (Tanah Tinggi & Lereng Bukit) Negeri Pahang (JTKSAS)**.
- 1.6 **Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Ke 25/2022** bersidang pada **28 Jun 2022 bersetuju meluluskan pindaan *Standard Operating Procedure* (SOP) Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam (Tanah Tinggi & Lereng Bukit) Negeri Pahang (JTKSAS) 2022**.

2.0 PENUBUHAN & SKOP JTKSAS

- 2.1 Jawatankuasa ini ditubuhkan selaras dengan keputusan-keputusan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Jawatankuasa Perancang Negeri dan saranan dari Majlis Perancang Fizikal Negara seperti dipara 1 dan dinamakan sebagai **Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JTKSAS)**. Jawatankuasa ini akan memberi **tumpuan kepada pengawalan pemajuan di kawasan tanah tinggi dan lereng bukit**.
- 2.2 Penubuhan jawatankuasa ini juga diselaraskan dengan **Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah Bukit, Tanah Tinggi dan Lereng Bukit) (Pahang) 2019** yang telah **diwartakan pada 31 Julai 2019**.
- 2.3 JTKSAS akan membincang dan mempertimbang **permohonan-permohonan perbandaran (perumahan, perniagaan, pelancongan dan perindustrian)** bagi kawasan tanah tinggi dan lereng bukit (merujuk kepada kriteria di dalam **Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah Bukit, Tanah Tinggi Dan Lereng Bukit)(Pahang) 2019** seperti berikut :
 - a) Bagi **semua permohonan perbandaran tanpa mengira keluasan di kawasan tanah tinggi 300 meter ke atas atau kawasan lereng bukit berkecerunan 25 darjah dan ke atas (Kelas III dan Kelas IV)** (bagi semua daerah selain daerah **Cameron Highlands, Genting Highlands, Bukit Tinggi dan Janda Baik**); dan
 - b) **Khusus bagi Daerah Cameron Highlands, Genting Highlands, Bukit Tinggi dan Janda Baik**, semua **permohonan pemajuan perbandaran di kawasan lereng bukit berkecerunan 25 darjah ke atas dengan cadangan pembangunan berdensiti 20 unit/ekar ke atas atau nisbah plot 1 :3**.
- 2.4 **Had ketinggian bangunan, zon hijau sebagai zon penampungan dan nisbah plot** tertakluk kepada Rancangan Pemajuan iaitu **Rancangan Tempatan Daerah dan Rancangan Kawasan Khas** sepertimana kelulusan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- 2.5 Tertakluk kepada **pekeliling, garis panduan dan arahan-arahan semasa yang berkuatkuasa di Negeri Pahang semasa sesuatu permohonan JTKSAS dipertimbangkan**.
- 2.6 JTKSAS ini juga tertakluk kepada surat **Pekeliling YB. Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 4 Tahun 2021 : Mekanisme Pengawalan Pembangunan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Di Negeri Pahang** bertarikh **19 Mac 2021**.
- 2.7 JTKSAS ini juga tertakluk kepada surat **Pekeliling YB Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 5 Tahun 2021 : Mekanisme Pengawalan Pembangunan Di Cameron Highlands** bertarikh **19 Mac 2021**.

3.0 PERANAN DAN FUNGSI JTKSAS

- 3.1 Peranan dan fungsi JTKSAS adalah sebagaimana berikut :
- a) Menerima dan menilai secara terperinci aspek-aspek teknikal bagi permohonan-permohonan pembangunan perbandaran di kawasan KSAS tanah tinggi dan lereng bukit bagi kawasan-kawasan sepertimana ditetapkan di para 2.3;
 - b) Menilai pelan dan laporan bagi permohonan-permohonan yang melibatkan kawasan tanah tinggi 300 meter ke atas dan lereng bukit berkecerunan melebihi 25 darjah seperti berikut:
 - i. Pelan Susunatur;
 - ii. Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) perlu mengandungi analisa kecerunan dan peta kesesuaian pembangunan;
 - iii. Laporan Kajian Geoteknikal;
 - iv. Laporan Pemetaan Geologi Terrain;
 - v. Pemetaan Geobencana (*Hazard Map*);
 - vi. Laporan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP);
 - vii. Laporan Cadangan Sistem Saliran berdasarkan Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA);
 - viii. Pelan Kerja Tanah;
 - ix. Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA); dan
 - x. Lain-lain laporan impak seperti yang akan ditentukan.
 - c) Mengadakan lawatan tapak bagi menilai ciri-ciri fizikal tapak;
 - d) Memberi nasihat dan membuat perakuan mengenai had pembangunan yang boleh dilaksanakan terutamanya dari aspek pematuhan kepada langkah-langkah pemeliharaan kawasan cerun semulajadi dan cerun buatan manusia (*man-made slope*), dengan kerja-kerja pemuliharaan dan penstabilan yang bersesuaian ke atas cerun;
 - e) Mengemukakan keputusan syor-syor kepada pemohon dan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan termasuklah keperluan supaya pemohon atau pemaju melantik pakar geoteknik sebagai pemeriksa bebas (*independent checker*) untuk memeriksa dan memantau kerja-kerja semasa dan setelah siap pembinaan di kawasan pemajuan dan lot-lot berjiran;
 - f) Mengemukakan syor-syor berkaitan permohonan-permohonan pembangunan tanah tinggi dan lereng bukit kepada Jawatankuasa Perancang Negeri; dan
 - g) Mengemukakan pelaporan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri atau Pihak Berkuasa Negeri jika perlu atau berdasarkan arahan dari semasa ke semasa.

4.0 KEAHLIAN JTKSAS

4.1 Senarai keahlian JTKSAS adalah sebagaimana berikut :-

Bil	Jabatan	Jawatan
1.	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pembangunan)	Pengerusi
2.	Pengarah PLANMalaysia@Pahang	Timbalan Pengerusi
3.	Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR Malaysia	Ahli
4.	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)	Ahli
5.	Pejabat Tanah dan Galian Pahang	Ahli
6.	Jabatan Mineral dan Geosains Pahang	Ahli
7.	Jabatan Kerja Raya Pahang	Ahli
8.	Jabatan Perhutanan Pahang	Ahli
9.	Jabatan Pengairan dan Saliran Pahang	Ahli
10.	Jabatan Alam Sekitar Pahang	Ahli
11.	PBT yang berkaitan	Ahli
12.	Pejabat Daerah yang berkaitan	Ahli
13.	Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands (Jika melibatkan permohonan di daerah Cameron Highlands)	Ahli
14.	Perbadanan Taman-Taman Negeri	Ahli (Mengikut Keperluan)
15.	Tourism Pahang	Ahli (Mengikut Keperluan)
16.	Bahagian Kawalan Perancangan dan Geospacial, PLANMalaysia@Pahang	Ahli
17.	Jabatan Pertanian Pahang	Turut hadir (Mengikut keperluan)
18.	Jabatan Veterinar Pahang	Turut hadir (Mengikut keperluan)
19.	Bahagian Korporat dan Lembaga Rayuan PLANMalaysia@Pahang	Urus Setia

4.2 Kekerapan Mesyuarat.


Kekerapan mesyuarat adalah berdasarkan permohonan yang diterima, dan diangkat ke mesyuarat JTKSAS dalam tempoh sebulan. JTKSAS ini akan membincangkan perkara-perkara teknikal terperinci termasuk perkara-perkara geoteknikal dan struktur kejuruteraan yang dicadangkan di dalam permohonan. Oleh itu, besar kemungkinan ia akan melibatkan beberapa siri mesyuarat sebelum perakuan akhir dikeluarkan.

4.3 Bayaran Fi Memproses Permohonan.

Perkara	Bayaran Fi
a) Mengikut Keluasan – Pelan Induk/Pelan Susun Atur/Pecah Sempadan	
i) Keluasan kurang 3 ekar	RM 3,000.00
ii) Keluasan 3 ekar – 10 ekar	RM 5,000.00
iii) Keluasan melebihi 10 ekar	RM10,000.00
b) Mengikut Parcel/Unit (Pembangunan Bertingkat/Pembangunan Strata)	
i) Kurang 500 unit/parcel	RM 3,000.00
ii) 501 unit – 700 unit/parcel	RM 5,000.00
iii) 701 unit – 1,000 unit/parcel	RM 7,000.00
iv) Melebihi 1,001 unit/parcel	RM 10,000.00
c) Mengikut Kepadatan/Densiti (Pembangunan Berstrata)	
Melebihi 20 unit/ekar	RM 3,000.00
d) Projek-Projek Kerajaan	
Institusi Kerajaan/Badan Berkanun	Tidak dikenakan bayaran

5.0 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KEPADA JTKSAS

Rajah di bawah menunjukkan proses permohonan JTKSAS oleh pemohon kepada urus setia JTKSAS.



6.0 SENARAI SEMAK PERMOHONAN JKASAS

PERKARA	JUMLAH DOKUMEN
1. Borang Permohonan	1
2. Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) (berserta <i>softcopy</i>) perlu mengandungi analisa kecerunan dan peta kesesuaian pembangunan. <ul style="list-style-type: none">▪ Pelan Berskala A3 berwarna mengikut Piawaian Perancangan▪ Tajuk cadangan pemajuan (sama dengan borang dan surat permohonan)▪ Jadual gunatanah (petunjuk)▪ Skala Pelan Pembangunan disahkan oleh Jururancang yang bertauliah▪ Pelan susunatur yang mempunyai kontur menunjukkan anjakan bangunan, ukuran anjakan dan rezab jalan masuk serta keluar	15
3. Pelan Susun Atur (skala yang bersesuaian A1) (berserta <i>softcopy</i>)	15
4. Pemetaan Geologi Terrain (berserta <i>softcopy</i>)	7
5. Laporan Kajian Geoteknikal (berserta <i>softcopy</i>)	7
6. Pemetaan Geobencana (<i>Hazard Map</i>) (berserta <i>softcopy</i>)	7
7. Pelan Kerja Tanah (berserta <i>softcopy</i>)	3
8. Laporan Pelan Kawalan Mendapan Dan Hakisan (ESCP) (berserta <i>softcopy</i>)	3
9. Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (<i>EIA</i>) (berserta <i>softcopy</i>)	2
10. Laporan Cadangan Sistem Saliran berdasarkan Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) (berserta <i>softcopy</i>)	3
11. Foto Tapak (Berserta <i>Softcopy</i>)	15
12. Bayaran Proses Permohonan	1

7.0 RUJUKAN

Lampiran 1 – Borang Permohonan

Lampiran 2 - Senarai Semak JTKSAS

Lampiran 3 - Senarai Edaran Jabatan Teknikal JTKSAS

No. Daftar :

(Diisi oleh Urusetia)

**BORANG
PERMOHONAN**

PLANMalaysia
@Pahang

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

TINGKAT 4, KOMPLEKS TUN RAZAK,
BANDAR INDERA MAHKOTA, 25200 KUANTAN
Tel : 09-572 1181 Faks : 09-573 2001

**PERMOHONAN KEPADA JAWATANKUASA TEKNIKAL KAWASAN SENSITIF
ALAM SEKITAR (TANAH TINGGI & LERENG BUKIT) NEGERI PAHANG
(JTKSAS)**

Tajuk Permohonan : _____

Lot : _____ Mukim : _____ Daerah : _____

Keluasan : _____ Zon Gunatanah RT : _____

Nama Pemohon : _____
Alamat Pemohon : _____ Tel : _____
_____ Faks : _____
_____ Emel : _____

Nama Perunding : _____
Alamat : _____ Tel : _____
_____ Faks : _____
_____ Emel : _____

Pihak Berkuasa Tempatan : _____

Tarikh Mesyuarat OSC (jika berkaitan) : _____

Tandatangan
Pemohon/Perunding :

Cop :

Tarikh :

Pengesahan Permohonan Diterima :

Nama :

Cop :

Tarikh :

(Diisi oleh Urusetia)

BORANG PERMOHONAN (sambungan)

ARAHAN

- i. Perunding perlu melengkapkan senarai semak dan menyediakan dokumen yang berkaitan.
- ii. Semua permohonan perlu dikemukakan secara manual (*hardcopy*) dan (*softcopy*) kepada Urusetia JTKSAS iaitu PLANMalaysia@Pahang.
- iii. Pelan susunatur dalam format .dwg perlu menggunakan asas lot berkoordinat "*Cassini Projection*" dan ditunjukkan dengan jelas dalam pelan susunatur.
- iv. Tandatangan di atas pelan perlulah yang asli (berdakwat) dan tidak dibenarkan menggunakan cop atau diimbias.
- v. Untuk mempercepatkan proses semakan permohonan, sila pastikan semua dokumen yang dikemukakan adalah lengkap mengikut keperluan senarai semak dan disusun mengikut turutan.

Lampiran 2

SENARAI SEMAK PERMOHONAN KE Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam (Tanah Tinggi & Lereng Bukit) Negeri Pahang (JTKSAS)	No. Fail : JPBD/PHG/C _____
--	---------------------------------------

TAJUK PERMOHONAN :

- | | |
|---|--|
| 1. Surat permohonan pasmi (perunding Perancang Bandar Bertauliah). | |
| 2. Borang permohonan. | |
| 3. Laporan Cadangan Pemajuan - Salinan (beserta <i>softcopy</i>). | |
| 4. Pelan susun atur Bersaiz A1 Atau A0 - Salinan (beserta <i>softcopy</i>). | |
| 5. Pemetaan Geologi Terrain – Salinan (beserta <i>softcopy</i>). | |
| 6. Laporan Kajian Geoteknikal - 9 Salinan (beserta <i>softcopy</i>). | |
| 7. Laporan Geobencana (<i>Hazard Map</i>) – 4 Salinan (beserta <i>softcopy</i>). | |
| 8. Pelan Kerja Tanah – 7 Salinan (beserta <i>softcopy</i>). | |
| 9. Laporan Pelan Kawalan Kelodak Dan Hakisan (<i>ESCP</i>) – 4 Salinan (beserta <i>softcopy</i>). | |
| 10. Laporan Cadangan Sistem Saliran Berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) – 4 Salinan(beserta <i>softcopy</i>). | |
| 11. Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) atau Kelulusan EIA – 2 Salinan (beserta <i>softcopy</i>). | |
| 12. Foto tapak (beserta <i>softcopy</i>). | |
| 13. Bayaran Proses Permohonan iaitu :- | |

Perkara	Bayaran Fi	Jumlah
a) Mengikut Keluasan – Pelan Induk/Pelan Susun Atur/Pecah Sempadan		
i) Keluasan kurang 3 ekar	RM 3,000.00	
ii) Keluasan 3 ekar – 10 ekar	RM 5,000.00	
iii) Keluasan melebihi 10 ekar	RM10,000.00	
b) Mengikut Parcel/Unit (Pembangunan Bertingkat/Pembangunan Strata)		
i) Kurang 500 unit/parcel	RM 3,000.00	
ii) 501 unit – 700 unit/parcel	RM 5,000.00	
iii) 701 unit – 1,000 unit/parcel	RM 7,000.00	
iv) Melebihi 1,001 unit/parcel	RM 10,000.00	
c) Mengikut Kepadatan/Densiti (Pembangunan Berstrata)		
Melebihi 20 unit/ekar	RM 3,000.00	
d) Projek-Projek Kerajaan		
Institusi Kerajaan/Badan Berkanun	Tidak dikenakan bayaran	
Jumlah		

Bayaran hendaklah dibuat secara bank draf/cek atas nama

PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG –

No. Akaun Jabatan : 0601 0002 2165 711 (Bank Muamalat Malaysia Berhad)

14. Borang permohonan dan dokumen yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut :



**Urus Setia Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam
(Tanah Tinggi & Lereng Bukit) Negeri Pahang (JTKSAS),**
Tingkat 4, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel : 09 – 5721181 Faks : 09 – 5732001

Nota :

- a. Sekiranya maklumat-maklumat yang dikehendaki **tidak lengkap**. Maka permohonan yang dikemukakan akan ditolak ringkas.
- b. Senarai semak ini hendaklah disertakan bersama dokumen *hardcopy*. Sila susun dokumen mengikut jabatan yang berkaitan.

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Dikemukakan Oleh: Tandatangan & Cop Tarikh :	Diterima Oleh : Tandatangan & Cop Tarikh :
--	--

Lampiran 3

SENARAI EDARAN JABATAN TEKNIKAL

Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam (Tanah Tinggi & Lereng Bukit) Negeri Pahang (JTKSAS)

Bil.	Jabatan Teknikal	LCP (Berserta Softcopy)	Pelan Susunatur (Berserta Softcopy)	Pemetaan Geologi Terrain (berserta softcopy)	Laporan Kajian Geoteknikal (berserta softcopy)	Laporan Geobencana (Hazard Map) (berserta softcopy)	Pelan Kerja Tanah (berserta softcopy)	Laporan ESCP (berserta softcopy)	Laporan MSMA (berserta softcopy)	Laporan EIA/ Kelulusan EIA (berserta softcopy)	Foto Tapak (Berserta Softcopy)
1.	Cerun, JKR	1	1	1	1	1	1	-	-	-	1
2.	BPEN	1	1	-	-	-	-	-	-	-	1
3.	PTG	1	1	-	-	-	-	-	-	-	1
4.	JMG	1	1	1	1	1	1	-	-	-	1
5.	JKR Pahang	1	1	-	-	-	-	-	-	-	1
6.	Hutan Pahang	1	1	-	-	-	-	-	-	-	1
7.	JPS Pahang	1	1	1	1	1	-	1	-	-	1
8.	JAS Pahang	1	1	1	1	1	-	-	1	1	1
9.	PBT	1	1	1	1	1	-	-	-	-	1
10.	Pej. Daerah	1	1	-	-	-	-	-	-	-	1
11.	PKCH	1	1	-	-	-	-	-	-	-	1
12.	PTTN	1	1	-	-	-	-	-	-	-	1
13.	Tourism Pahang	1	1	-	-	-	-	-	-	-	1
14.	BKG	1	1	1	1	1	-	-	-	-	1
15.	Urus Setia	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
	Jumlah	15	15	7	7	7	3	2	2	2	15

Singkatan :

Cerun JKR : Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR Malaysia
 BPEN : Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
 PTG : Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang
 JMG : Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Pahang
 JKR Pahang : Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
 Hutan Pahang : Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
 JPS Pahang : Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang
 JAS Pahang : Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang
 PBT : Pihak Berkuasa Tempatan
 Pej. Daerah : Pejabat Daerah
 PKCH : Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands

Nota :



PKCH : Jika melibatkan permohonan di daerah Cameron Highlands.
 PTTN : Jika melibatkan permohonan di Taman-Taman Negeri.
 Tourism Pahang : Jika melibatkan permohonan di kawasan tarikan pelancongan.

Singkatan :

PTTN : Perbadanan Taman-Taman Negeri
 BKG : Bahagian Kawalan Perancangan & Geospatial, PLANMalaysia


Format Pelan Susun Atur JTKSAS

Tajuk Permohonan :
Permohonan Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam Sekitar
(Tanah Tinggi & Lereng Bukit) Negeri Pahang (JTKSAS) Bagi Cadangan
Pembangunan



PELAN SUSUN ATUR

Kosongkan – Untuk Perakuan JTKSAS



Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus :

**Urus Setia,
Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam Sekitar
(Tanah Tinggi & Lereng Bukit) Negeri Pahang (JTKSAS),
PLANMalaysia@Pahang
(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Pahang),
Aras 4, Kompleks Tun Razak (KOMTUR),
25200 Bandar Indera Mahkota, Kuantan,
PAHANG DARUL MAKMUR**

**Tel : 609- 572 1181 | Faks : 609-573 2001
Email : korporat.plan@pahang.gov.my**